

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR
KAWASAN : TUMPAT
TARIKH : 12 JUN 2014, KHAMIS

SOALAN:

YB. DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR (TUMPAT) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah kementerian akan memulakan pembinaan Lebuhraya Kota Bharu – Kuala Krai yang telah lama dijanjikan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek menaik taraf Jalan Kota Bharu – Kuala Krai ialah sebahagian daripada skop projek menaik taraf dan membina Jalan Central Spine dari Bentong-Raub-Lipis-Gua Musang-Kuala Krai-Kota Bharu.

Pelaksanaan projek Central Spine sepanjang 390km itu kini sedang dibina secara berperingkat oleh Kerajaan berikutan ia melibatkan kos yang tinggi, iaitu melebihi anggaran RM6 bilion. Mengenai laluan Jalan Kota Bharu – Kuala Krai, Kerajaan Pusat setakat ini telah meluluskan peruntukan sebanyak RM220 juta untuk melaksanakan pakej 1B dari Kadok ke Pasir Hor sepanjang 7km. Pembinaan projek bagi pakej ini telah dimulakan pada bulan April 2014 yang lalu dan dijangka siap dalam tempoh 36 bulan.

Di samping itu, terdapat satu lagi pakej Jalan Kota Bharu – Kuala Krai yang dijangka akan ditender pada tahun ini, iaitu dari Kadok ke Ketereh (Pakej 2A) sepanjang 6.85km. Anggaran kos projek bagi pakej ini ialah sebanyak RM200 juta. Manakala pelaksanaan pakej-pakej yang lain akan ditender dalam RMK-11 tertakluk kepada kelulusan peruntukan daripada Agensi Pusat.

Sekian. Terima kasih.